

# Ma hat hir

## bidas

BH 15 JUN 1992

## sikap

(r) trip over sea

## Utara

KEENGGANAN negara Utara membayar pampasan kepada negara miskin setelah menggunakan sumber kekayaannya adalah sama sebagaimana berlaku di Madagascar setelah negara kaya menemui ubat antileukemia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata meskipun Madagascar adalah bumi sumber penemuan itu, tetapi ia tidak mendapat sebarang bayaran.

Bercakap dalam sidang akhbar kepada wartawan dari seluruh dunia di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced) di sini, hari ini (Sabtu), Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat cara itu adalah salah, terutama setelah negara maju mendapat sesuatu berguna daripada negara miskin.

Merujuk kepada keengganan Presiden Bush menandatangani Konvensyen Biodiversiti, Dr Mahathir berkata, adalah jelas ucapan Bush menunjukkan beliau menjaga

kepentingan rakyat Amerika.

"Dia menyatakan dengan jelas bahawa dia bertanggungjawab terhadap rakyat Amerika dan melindungi hak paten, harta intelektual dan sebagainya meskipun terpaksa mendapatkan sumber dari negara miskin," katanya.

Semalam, dalam ucapannya Bush berkata usaha negaranya untuk melindungi biodiversiti adalah lebih besar daripada yang terkandung dalam konvensyen itu. Keengganan Amerika Syarikat menandatangani konvensyen itu mendapat tentangan hebat sebahagian besar daripada 180 negara yang menyertai persidangan ini.

Dr Mahathir berkata keadaan yang sama juga boleh berlaku apabila negara yang diminta jangan mengeksploitasi hutan mereka itu, menemui sesuatu di Amerika.

Katanya, itulah jugasababnya Malaysia tidak bersetuju satu konvensyen perhutanan diwujudkan

kan selagi prinsip perhutanan tidak diterima.

Isu prinsip perhutanan menjadi pertentangan hebat di antara negara Utara dan Selatan dan hanya dapat diselesaikan jam 2.30 pagi semalam yang mana negara Selatan berjaya menghalang konvensyen itu diwujudkan.

Dalam hubungan negara kaya-miskin, Dr Mahathir menjelaskan bahawa di Malaysia juga wujud golongan kaya dan miskin.

"Bagi mereka yang kaya kami mengenakan cukai dan menggunakan wang itu untuk membantu golongan miskin. Jika anda datang ke Malaysia sekarang keadaannya adalah jauh lebih baik daripada ketika kami dijajah dahulu yang mana nasib golongan miskin diabaikan," katanya.

Dalam konteks ini, Dr Mahathir berkata Malaysia juga memerlukan golongan kaya. Tanpa golongan kaya kerajaan tidak boleh mengenakan cukai bagi membantu golongan miskin.